

KPT perjas kemasukan lepasan UEC ke IPTA masih dalam penelitian

• Oleh Berita Utama @ Yaya Amir-15 Mei 2026



Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Azlinda Azman

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menegaskan bahawa garis panduan serta syarat kelayakan penuh bagi kemasukan pemegang Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) masih belum diumumkan secara rasmi. Ketua Pengarah KPT, Datuk Prof. Dr. Azlinda Azman, menyatakan bahawa sebarang kritikan atau dakwaan berhubung dasar tersebut adalah terlalu awal. Kenyataan ini dikeluarkan bagi menjawab dakwaan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) yang menyifatkan peluang kemasukan tersebut sebagai kabur dan dipenuhi dengan pelbagai sekatan.

Azlinda turut menjelaskan bahawa pihak universiti awam mempunyai standard dan kriteria kemasukan tersendiri yang wajib dipatuhi oleh semua calon bagi memastikan kualiti akademik terpelihara. Sebelum ini, KPT telah mengumumkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang membenarkan pelajar daripada luar sistem pendidikan kebangsaan—termasuk lepasan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan institusi tahfiz—untuk memohon mengikuti program-program pengajian tertentu yang telah dikenal pasti di IPTA.